

**GARIS PANDUAN IBU BAPA / TETAMU / WARIS GRADUAN  
MAJLIS KONVOKESYEN KE-5  
POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR**

**Majlis Konvokesyen Ke-5** akan diadakan pada **29 Ogos 2023 (Selasa), jam 7.30 pagi** bertempat di **Ixora Hotel, Pulau Pinang**. Sehubungan itu, dipohon kerjasama para graduan untuk mengambil tindakan- tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

**1.0 JEMPUTAN IBU BAPA / TETAMU / WARIS GRADUAN**

- 1.1 Bilangan ibu bapa / tetamu atau waris graduan yang dibenarkan masuk ke dalam dewan Majlis Konvokesyen adalah **seramai DUA (2) orang sahaja** bagi setiap graduan.
- 1.2 Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dewan.
- 1.3 Ibu bapa / tetamu / waris graduan perlu berpakaian rasmi dan sopan semasa berada di dalam dewan Majlis Konvokesyen.
- 1.4 Ibu bapa / tetamu / waris graduan perlu berada di dewan Majlis Konvokesyen selewat-lewatnya pada pukul **8.00 pagi**. Pintu masuk dewan akan ditutup 30 minit sebelum majlis bermula bagi melancarkan majlis.
- 1.5 Ibu bapa / tetamu / waris graduan perlu menunjukkan **pas masuk** Majlis Konvokesyen Ke-5 untuk masuk ke dalam dewan.

**2.0 ETIKA PAKAIAN**

**2.1 Pakaian Tetamu Lelaki**

- i. Baju Kebangsaan, atau
- ii. Batik, atau
- iii. Lounge Suit, atau
- iv. Pakaian Rasmi yang sesuai (seluar *jeans* dan kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**).

**2.2 Pakaian Tetamu Wanita**

- i. Baju Kebangsaan atau
- ii. Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (pakaian gaun atau *skirt* melebihi paras lutut, blouse tanpa lengan, kemeja-T, dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**).



### PERINGATAN

1. Ibu bapa / tetamu / waris graduan diminta untuk menghormati majlis yang sedang berlangsung dengan tidak membuat bising atau mengganggu keharmonian majlis.
2. Ibu bapa / tetamu / waris graduan juga **DILARANG** meninggalkan dewan semasa majlis Konvokesyen sedang berlangsung.
3. Ibu bapa / tetamu / waris graduan adalah dinasihatkan supaya bersarapan pagi sebelum memasuki dewan. Majlis Konvokesyen dijangka akan mengambil masa yang agak lama untuk selesai.